

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NASIONAL

Negara mula percubaan klinikal ke atas manusia

Keupayaan jalankan FIH peluang kepada Malaysia terajui pembangunan perubatan, sains

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia kini sudah bersedia untuk melaksanakan percubaan klinikal ke atas manusia dalam menguji ubat, prosedur atau rawatan baharu, berbanding sebelum ini hanya dilakukan dalam makmal atau menggunakan haiwan.

Fasa percubaan klinikal ke atas manusia yang pertama atau *First-in-human* (FIH) sudah dimulakan di Sarawak awal bulan lalu, selepas mendapat kelulusan daripada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA).

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata selain Hospital Besar Sarawak, sebuah lagi pusat penyelidikan bagi disiplin itu

akan dilaksanakan di Hospital Ampang.

Beliau berkata, dengan adanya fasiliti dan disiplin FIH di negara ini, ia berupaya menggalakkan lebih banyak penyelidikan dibuat serta menarik minat syarikat berkaitan memperkenalkan rawatan menggunakan kaedah itu pada masa depan.

"Keupayaan menjalankan FIH ini memberi peluang kepada Malaysia menerajui pembangunan perubatan dan sains. Paling utama, ia membolehkan negara mempunyai akses kepada terapi baharu melalui kaedah penyelidikan klinikal selamat dan berkualiti.

"Namun pada masa sama, perkembangan ini membolehkan Jawatankuasa Penyelidikan dan Etika Perubatan dan NPRA bersedia menyemak FIH yang terdiri daripada entiti kimia dan biologi baharu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Hari Penyelidikan Klinikal 2023 dan forum anjuran Penyelidikan Klinikal Malaysia (CRM), semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, Timbalan Premier Sarawak, Prof Datuk Seri Dr Sim Kui Hian dan

Ketua Pegawai Eksekutif CRM, Dr Akhmal Yusof.

Terdahulu, dalam ucapannya, Dr Zaliha berkata, kelulusan NPRA itu mencatatkan satu pencapaian memberangsangkan, terutama pada peringkat global.

"Ia dapat dilihat dalam se-dekad lalu, penyelidikan yang ditaja membawa lebih daripada RMI bilion nilai kontrak penyelidikan klinikal negara, dengan ia mewujudkan 2,700 pekerjaan mahir bidang penyelidikan klinikal dan menaja lebih 2,000 penyelidikan yang ditaja.

"Dengan penduduk berbilang kaum di negara ini, lebih 1,000 penyelidik berpengalaman dilatih di negara ini, sekali gus merencanakan penyiasat berkebolehan dalam sektor awam, swasta dan kalangan akademik menjadikan Malaysia lokasi ideal untuk sebarang kajian global," katanya.

Persediaan sejak 10 tahun lalu
Dr Akhmal berkata, penyelidikan FIH itu akan membabitkan penyelidikan berkaitan kanser atau onkologi yang diusahakan di Hospital Besar Sarawak dengan sasaran 25 hingga 30 sukarelawan

mengambil bahagian.

Katanya, persediaan melaksanakan percubaan penyelidikan klinikal ke atas manusia pertama dilakukan sejak 10 tahun lalu dengan dibuat secara berperingkat.

"Antaranya kita menghantar pakar tempatan ke pusat yang lebih tersohor seperti Princess Margaret Cancer Centre di Toronto bagi tujuan pembelajaran supaya institusi dalam negara lebih bersedia.

"Selain itu, hasil kesungguhan pasukan di Sarawak juga berjaya memupuk pengalaman, sekali gus memberikan panduan kepada kakitangan kelak," katanya.

Mengulas mengenai Kertas Putih Kesihatan, Dr Zaliha berkata, pembaharuan sistem pembiayaan kesihatan dalam mewujudkan sistem kesihatan terbaik antara fokus pihaknya yang akan dibentangkan di Parlimen akan datang.

Katanya, KKM sentiasa berhubung dengan Kementerian Keuangan dalam mencari kaedah untuk meningkatkan perbelanjaan kesihatan awam daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Pencapaian KDNK ketika ini

Penyelidikan First-in-human (FIH) itu akan membabitkan penyelidikan berkaitan kanser atau onkologi yang diusahakan di Hospital Besar Sarawak dengan sasaran 25 hingga 30 sukarelawan mengambil bahagian

Dr Akhmal Yusof, Ketua Pegawai Eksekutif CRM



adalah 2.9 peratus, berbanding KDNK negara lain yang setara yang sudah mencecah lima peratus.

"Insya-Allah kita sentiasa berhubung dengan Kementerian Keuangan, khususnya memahami mengapa kita memerlukan perbelanjaan atau bajet sedemikian untuk memastikan sistem kesihatan berada pada tahap terbaik.

"Saya yakin ia akan mendapat sokongan daripada Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim)," katanya menteri itu kini sedang mengkaji model pembiayaan kesihatan yang sesuai, termasuk mendapatkan input dari negara luar.

KKM rancang kerjasama dengan Media Prima

Petaling Jaya: Kementerian Kesihatan (KKM) dan pengamal media perlu bekerjasama rapat dalam memastikan maklumat yang penting dan terkini membabitkan isu kesihatan rakyat dapat disalurkan.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata peranan media sangat penting dalam menaja sebarang inisiatif yang digerakkan kementeriaannya.

"KKM adalah pengubah dasar, media pula adalah perantara. Matlamat kita sama untuk kesejahteraan dan kesihatan rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan kerja ke Media Prima Berhad (MPB) di Sri Pentas, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Kumpulan Media Prima, Datuk Seri Dr Syed Hussain Aljunied; Ketua Pegawai Operasi Media Prima Omnia, Efendi Omar; Ketua Pegawai Eksekutif Media Prima Audio, Nazri Noran; Timbalan Pengarang Kumpulan Berita dan E-hwal Semasa, Rangkaian Televisyen Media Prima, Azhari Muhidin dan Pengarang Kum-

pulan New Straits Times (NST), Farrah Naz Karim.

Peranan media

Dalam lawatan itu, Dr Zaliha turut meluangkan masa selama kira-kira satu jam dan melawat pejabat Rev Media Group.

Dr Zaliha berkata, beliau juga percaya tanpa pihak media sebarang usaha yang dijalankan KKM tidak akan membuahkan hasil.

"Tadi (semalam) saya sudah mendengar taklimat daripada pengurus Media Prima dan nampak bagaimana kita boleh bekerjasama serta maklumat apa yang boleh disampaikan, terutama ketika waktu kritikal.

"Contohnya, kita kini hampir dengan Sidang Parlimen dan sudah tentu banyak isu yang kita akan bawa, termasuk Rang Undang-Undang (RUU) dan Kertas Putih Kesihatan.

"Sudah tentu kita memerlukan media, khususnya Media Prima untuk membantu KKM menyampaikan maklumat kepada rakyat mengenai apa yang dibawa oleh kementerian," katanya.



Syed Hussain menyampaikan cenderahati kepada Dr Zaliha selepas mengadakan lawatan kerja ke Media Prima Berhad di Sri Pentas, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : LOKAL



DR Zaliha diiringi Dr Syed Hussian (kiri) ketika lawatan kerja di MPB di Sri Pentas.

Kerjasama rapat salur maklumat kesihatan

Petaling Jaya: Kementerian Kesihatan (KKM) dan pengamal media perlu bekerjasama rapat dalam memastikan maklumat penting dan mutakhir memabitkan kesihatan rakyat berjaya disampaikan.

Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa berkata, media memainkan peranan besar dalam menjayakan sebarang inisiatif yang digerakkan KKM.

"KKM adalah penggubal dasar. Media adalah perantara. Matlamat kita sama, untuk kesejahteraan dan kesihatan rakyat.

"Saya sudah dengar taklimat daripada Media Prima dan bagaimana kita boleh bekerjasama, apa maklumat yang boleh kita sampaikan khususnya dalam masa yang kritikal terutamanya kita hampir dengan Parlimen.

"Banyak isu yang kita akan bawa juga, contohnya rang undang-undang, kertas putih kesihatan dan sudah tentu kita memerlukan

media khususnya Media Prima untuk bantu sampaikan maklumat kepada rakyat mengenai apa yang kita nak bawa dalam kementerian," katanya.

Beliau ditemui selepas mengadakan lawatan kerja di Media Prima Berhad (MPB) di Sri Pentas di sini.

Turut hadir, Pengerusi Kumpulan Media Prima, Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljunied, Ketua Pegawai Eksekutif Media Prima Audio Nazri Noran, Ketua Pegawai Operasi, Media Prima Omnia Efendi Omar, Timbalan Pengarang Kumpulan Berita dan Ehwal Semasa, Rangkaian Televisyen Media Prima Azhari Muhidin dan Editor Kumpulan NST Farrah Naz Karim.

Mengulas lanjut, Dr Zaliha berkata, beliau percaya tanpa media sebarang usaha yang dijalankan KKM tidak akan membuahkan hasil.

Terdahulu, Dr Zaliha turut mengadakan lawatan ke Rev Media Group.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : MINDA

SELAMAT HARI JURURAWAT ANTARABANGSA

Jasa jururawat terlalu besar



Bersama
**Hartini
Mohd Nawi**



Walaupun bergantung kepada alat canggih, kita tidak seharusnya menyetepikan peranan jururawat yang asas iaitu 'caring attitude'

Pengalaman ditahan di wad kerana menjalani pembedahan *endoscopy* disebabkan *slipped disc* (cakera tergelincir) memberi peluang kepada saya untuk lebih mendekati jururawat yang bertugas.

Mereka bagaikan orang tengah yang menjadi jurucapak kepada doktor yang merawat saya. Dalam ruang dan waktu yang ada itu, selain doktor, jururawatlah insan yang begitu mengambil berat keadaan saya. Semua jasa itu sangat saya hargai dan hanya Allah yang mampu membalasnya.

Menyorot kembali sejarah kejururawatan di Malaysia, ia dikatakan bermula sejak tahun 1800-an apabila perkhidmatan pertama pula bermula di Pulau Pinang dan Singapura.

Latihan (sambil bekerja) jururawat pertama adalah di Johor Bahru, Johor pada tahun 1938 dan terhenti pada tahun 1942 hingga 1945 disebabkan Perang Dunia Kedua.

Sekolah Kejururawatan mula ditubuhkan pada tahun 1946 di Johor Bharu, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Kemudian sistem penjagaan kesihatan mula berkembang di Malaya pada tahun 1951.

Jururawat dalam bidang penjagaan kesihatan adalah seseorang yang bertugas sebagai penjaga profesional.

Golongan ini bertanggungjawab bagi keselamatan dan menyembuhkan mereka yang sakit teruk, penjagaan kesihatan bagi mereka yang sihat dan menangani kecemasan dalam semua keadaan membahayakan nyawa dalam semua bidang penjagaan kesihatan.

Kerjaya kejururawatan juga mempromosikan kesihatan dan membantu pesakit mencapai tahap kesihatan yang lebih baik serta membantu pesakit tenat mengekalkan kesejahteraan sehingga akhir hayat mereka.

Malah kejururawatan antara kerjaya yang dinamik dan sentiasa berkembang seiring kemajuan teknologi terkini dalam bidang perubatan dan perawatan bagi memenuhi keperluan serta kehendak dunia perubatan semasa.

Begitu juga dengan kerjaya kejururawatan di Malaysia yang sentiasa menerima perubahan, penambahbaikan dan peningkatan



JURURAWAT sering berdepan pelbagai cabaran dan risiko ketika bertugas di lapangan terutama ketika ancaman Covid-19 sedang menggilu.

dalam pembangunan kerjaya seiring dengan era globalisasi.

Peranan jururawat dalam sistem kesihatan juga tidak pernah terpinggir di sebalik kecanggihan teknologi terutamanya dalam aspek profesionalisme dan kesabaran yang dipamerkan terhadap pesakit.

Walaupun bergantung kepada alat canggih, kita tidak seharusnya menyetepikan peranan jururawat yang asas iaitu 'caring attitude' (sikap mengambil berat).

Tidak dinafikan, tugas jururawat juga semakin getir sepanjang dua tahun negara berdepan dengan pandemik Covid-19 sebelum fasa peralihan ke endemik pada 1 April 2022.

Dalam situasi terbaharu, negara kini dilanda gelombang haba menyebabkan terdapat pelbagai penyakit akibat cuaca panas. Di sini, tugas jururawat juga kian mencabar!

Pada tanggal 12 Mei setiap

tahun, Hari Jururawat Antarabangsa disambut di seluruh dunia sebagai mengenang jasa golongan itu yang sanggup berkorban masa, tenaga dan bertungkus lumus dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat tanpa mengenal penat lelah.

Tidak dapat dinafikan bahawa kerjaya kejururawatan sememangnya antara pekerjaan yang sangat mulia.

Namun di sebalik tarikh 12 Mei juga, ia sempena mengingati hari kelahiran seorang jururawat Inggeris iaitu Florence Nightingale pada 12 Mei 1820.

Beliau turut dikenali sebagai *The Lady with the Lamp* kerana pada zaman Perang Crimean (1853 hingga 1856), beliau selalu melawat pesakit-pesakit (askar-askar) pada sebelah malam dengan lampunya untuk melihat pesakit-pesakit yang memerlukan bantuan.

Bagaimanapun, jika diimbab

kembali, jururawat yang pertama dikatakan dalam Islam adalah Rufaidah Sa'ad (570 hingga 632 Masihi)

Sebenarnya Rufaidah mempelajari ilmu perawatan untuk membantu ayahnya yang juga seorang doktor. Rufaidah juga dikatakan terlibat dalam beberapa peperangan dan digambarkan memiliki pengalaman klinikal yang dapat disalurkan kepada jururawat lain.

Antara beberapa wanita yang bekerjasama dengan Rufaidah adalah Ummu Ammara, Aminah, Ummu Ayman, Safiyah, Ummu Sulaiman dan Hindun.

Rufaidah tidak hanya melaksanakan tugas sebagai jururawat dalam aspek klinikal sahaja, malah turut melaksanakan tugas komuniti dan mencari punca masalah sosial yang boleh menyebabkan timbul beberapa penyakit.

Keperibadian beliau digambarkan seorang yang luhur dan simpati kepada semua orang dan melayani pesakit dengan baik.

Di sebalik 12 Mei sempena mengingati Florence Nightingale juga, kita terlupa akan Rufaidah yang menjalankan tugas sebagai jururawat 1,188 tahun sebelum Florence Nightingale dilahirkan.

Selamat Hari Jururawat Antarabangsa buat semua jururawat yang pernah menjaga saya dan jururawat di seluruh negara serta dunia. Jasa kalian terlalu besar maknanya!

Penulis Pengarang Berita
Harian Metro

dialog kotaraya oleh juragan



AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 26
RUANGAN : NEGERI

Dunia kejururawatan mengajar nilai untuk membantu orang lain ketika dalam kesusahan

Oleh ADILA SHARINNI WAHID
KOTA BHARU

"Hospitalku, syurgaku." Itu kata seorang jururawat yang menggambarkan khidmat bakti sepenuh jiwa dan raga di curahkan sepanjang lebih 20 tahun merawat pesakit hingga kerap kali terabaikan keluarga sendiri.

Wanita besi itu, Azlina Rasid, 41, berkata, dia menghabiskan lebih banyak masa dalam sehari di institusi itu kerana perlu melaksanakan tugas yang diamanahkan sekaligus rumah sendiri pula jatuh nombor dua seperti per-singgahan hotel.



AZLINA

SEMPENA HARI
JURURAWAT
SEDUNIA

Menurut Azlina yang bertugas di bahagian pembedahan ortopedik itu, lima anak-anaknya yang berusia tiga sehingga 18 tahun pula akan berasa pelik sekiranya ibu mereka berada lebih sejam di rumah tanpa keluar bekerja di hospital.

"Kalau mereka nampak saya dalam rumah lama sikit, mereka akan tanya, 'Ibu tak pergi kerjakah?'"

"Pernah di tempat kerja lama sebelum ini, bekerja dua hari berturut-turut. Tidur sejam saja, saya diminta rehat oleh ketua namun demi memastikan pesakit yang dibedah berada dalam keadaan betul-betul selamat tanpa sebarang komplikasi berkaitan vaskular, saya terus berkhidmat," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di KPJ Perdana Specialist Hospital, di sini, pada Rabu.

Dia memberitahu,

'Hospitalku, syurgaku'



Azlina melakukan persediaan untuk tugas pembedahan.

pernah satu ketika menempuh ujian yang amat hebat dalam alam rumah tangga kerana bebanan tugas sebagai seorang jururawat tidak mudah untuk difahami oleh kebanyakan orang.

"Kerja jururawat untuk me-

nyelamatkan dan merawat pesakit akan dilakukan tanpa mengira waktu.

"Sememangnya penugasan ada jadual dan syif tetapi jururawat juga perlu laksanakan tugas *on call*," katanya.

Menurut dia, akibat komitmen kerja yang amat mencabar dan kerap meninggalkan rumah itu, kesemua anaknya mampu berdikari.

Katanya, anak sulung lelaki mampu menguruskan adiknya dan memasak nasi seawal usia 13 tahun.

"Ibu mereka pula leka 'bermain' darah, gunting dan organ manusia.

"Kadangkala saya cuba juga meluangkan waktu dengan keluarga dan menahan penat bekerja walaupun pulang bertugas pada lewat malam," katanya.

Bagi Azlina, dunia jururawat menjadikannya seorang manusia yang lebih baik dari hari ke hari dan dapat meningkatkan nilai dalam diri apabila dapat membantu orang lain dalam kesusahan.

"Ketika merawat pesakit, saya anggap merawat diri dan keluarga sendiri.

"Kalau nyawa pesakit di hujung tanduk, jururawat juga akan berasakan perkara yang sama," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI

Pembaharuan sistem belanja biaya kesihatan antara fokus Kertas Putih

KUALA LUMPUR: Pembaharuan sistem perbelanjaan pembiayaan kesihatan dalam mewujudkan sistem terbaik antara fokus dalam Kertas Putih Kesihatan yang akan dibentangkan dalam sidang Parlimen akan datang.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, kementerianya sentiasa berhubung dengan Kementerian Kewangan dalam mencari kaedah untuk meningkatkan perbelan-

jaan kesihatan awam daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Katanya, perbelanjaan kesihatan awam pada masa ini adalah 2.9 peratus daripada KDNK dibandingkan dengan negara lain yang setaraf dengan Malaysia yang sudah mencapai lima peratus.

“Insya-Allah kita sentiasa berhubung dengan Kementerian Kewangan, khususnya memahami mengapa kita memer-

lukan perbelanjaan atau bajet sebegitu untuk memastikan sistem kesihatan terbaik.

“Saya yakin itu juga mendapat sokongan daripada Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim),” katanya dalam sidang media selepas melancarkan Hari Penyelidikan Klinikal 2023 dan forum anjuran Penyelidikan Klinikal Malaysia (CRM) di sebuah hotel di ibu negara semalam.

Menurut Dr. Zaliha, kemen-

terian ketika ini juga sedang mengkaji model pembiayaan kesihatan yang sesuai selain mendapatkan input dari negara luar.

Namun, katanya, setakat ini masih belum ada sebarang keputusan mengenai perkara itu.

“Insya-Allah selepas kita berjaya bentang Kertas Putih di Parlimen Jun ini, kita akan gariskan semua perkara terlibat termasuk sistem pembiayaan kesihatan ini,” katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : DALAM NEGERI

Ujian ubatan ke atas manusia, bukan lagi haiwan

Oleh AHMAD
FADHLULLAH ADNAN
utusannews@mediamulla.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysia akan melaksanakan percubaan klinikal ke atas manusia, dalam menguji ubat, prosedur atau rawatan baharu berbanding sebelum ini hanya dilakukan di makmal atau menggunakan haiwan.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, fasa percubaan klinikal ke atas manusia yang pertama atau First-in-human (FIH) sudah dimulakan di Sarawak awal bulan lalu selepas mendapat kelulusan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA).

Menurut beliau, selain Hos-

pital Besar Sarawak sebuah lagi pusat penyelidikan bagi disiplin itu akan dilaksanakan di Hospital Ampang, Selangor.

"Kita menggalakkan lebih banyak kajian atau syarikat-syarikat yang mahu memperkenalkan rawatan mereka melakukan FIH. Kita ada kemudahan, disiplin bila kita laksanakan kajian tersebut dan ini menarik minat banyak syarikat-syarikat untuk melakukan FIH di Malaysia," kata beliau selepas melancarkan Hari Penyelidikan Klinikal 2023 dan forum anjuran Penyelidikan Klinikal Malaysia (CRM) di sini semalam.

Kata Zaliha, dengan adanya fasiliti dan disiplin FIH ja-

berupaya menyumbang kepada pembangunan perubatan, sains, dan kewujudan terapi baharu menerusi kaedah penyelidikan klinikal pada masa depan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif CRM, Dr. Akhmal Yusof berkata, kajian diusahakan di Hospital Besar Sarawak nanti kebanyakannya akan melibatkan penyelidikan berkaitan kanser.

Menurut beliau, persediaan percubaan penyelidikan klinikal ke atas manusia pertama itu juga sudah dilakukan lebih daripada 10 tahun yang dibuat secara berperingkat.

"Antaranya, hantar pakar belajar ke pusat yang lebih terso-

hor macam Princess Margaret Cancer Centre di Toronto dan akhirnya kita telah bersedia.

"Selain itu, berkat kesungguhan pasukan di Sarawak juga berjaya memupuk pengalaman supaya dapat membuat pandum.

Jelas beliau, ujian klinikal FIH itu juga akan sangat mementingkan keselamatan pesakit dan dipantau dengan lebih teliti bukan sahaja pemantau di pusat tetapi komuniti kesihatan yang lain terutamanya NPRA.

"(Namun) saya rasa perjalanan panjang dan buat masa ini belum lagi ada yang mendaftar sebagai produk untuk digunakan," ujarnya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEWS / NATION

IGNORED DOCTOR'S ADVICE

Smokers in religious attire slammed online

KUALA LUMPUR: A group of men in religious attire drew criticism from netizens when a doctor posted a Facebook comment of them smoking at a food stall area here recently.

Dr Noor Ameera Rahmat said the group sat right next to her table where all her kids were present.

"We were eating peacefully but got interrupted by a group of men wearing *kopiah* (head cover) blowing cigarette and vape smoke.

"How are we to improve with this kind of mentality?"

Dr Ameera wrote that she had advised the men against such activity but was ignored, which led her to air her grouses online.

From Facebook, the post then gained more than 400,000 views across all social media platforms where members of the public slammed the selfish attitude portrayed by the men.

"Religious but immoral," said netizen Hizam Sulaiman.

Others shared similar encounters of being scolded for standing



The group of men smoking next to Dr Noor Ameera Rahmat's table which had children at an eatery in Kuala Lumpur recently. PIC FROM SOCIAL MEDIA

up to rule-breakers.

"I once told a cleaner at a mosque not to smoke within the premises, but he got mad at me, telling me he works here, so he knows better," said Izzul Hafiy Bin Zawawi.

One netizen, Rahizat Zainal, said the issue should be highlighted "because our society has reached a point where it cannot be reprimanded".

This comment came in the wake of a recent viral video of an elderly man who was furious when advised not to smoke in

a restaurant.

The Health Ministry enforced a rule in January 2020 that eateries throughout the country are designated as non-smoking areas.

Those found smoking in prohibited areas will be charged a compound of RM250.

The ministry also noted the public should immediately report offenders by taking a photo of anyone smoking in prohibited areas, name of restaurant, address, time and date before submitting it to the official hotline at +60108608949.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Salute to nurses

► Three modern-day Nightingales share their experiences on poignant moments and what keeps them going

BY THARANI NAIR
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: International Nurses Day, which falls today, is celebrated across the globe in memory of the birth anniversary of Florence Nightingale, who pioneered nursing, and to commemorate the contributions of the profession to society. *theSun* spoke to three nurses about what nursing means to them.

Lee Pui Fung, 35, has been an emergency department senior staff nurse for six years and a frontline volunteer during the Covid-19 pandemic.

"Being on the frontline demanded much more than what was shown by the media. We have to constantly be there for our patients as they are isolated from their families. Also, being a frontliner can be extremely difficult, especially when wearing personal protective equipment (PPE).

"During the pandemic, I was stationed in a tent outside my hospital. The weather was so hot and humid. It was stuffy and difficult to breathe while wearing the PPE.

"Not many realise that frontliners also have to control nature's call. Going to the washroom meant having to wear new PPE, and they were in short supply at one time, so most of us, doctors included, had to control our water intake so we did not have to go until our shift was over. That was tough.

"It was much worse for my Muslim colleagues during the fasting month in 2021. Imagine wearing PPE and being hot, stuffy and hungry too, while having to work long hours looking after patients. Believe me, those were dark days for nurses," she told *theSun*.

Despite the difficult times, Lee said the experience as a frontliner will be with her for the rest of her life, particularly the camaraderie she had with colleagues and the pain they collectively went through.

"It was hard when a patient died. We all felt the loss.

"But when patients survived, the sense of accomplishment was real," she said.

Rabiah Thaufick, 40, has been a

paediatric nurse for 15 years.

"I just love children, and being surrounded by them always makes me happy, especially when I see joy and laughter on their faces when they've recovered from their illnesses."

However, Rabiah said being a paediatric nurse comes with its challenges too.

"Although the paediatric ward is meant only for child patients, we often have to comfort their anxious parents, who would be worried sick. Despite having their prior consent, we would still explain the details to parents before administering any medicine to their children.

"We meet all kinds of parents in the ward. While some are easy to manage, others can get more panicky than their children. In

some situations, both parents and children can be emotionally disturbed. On such occasions, paediatric nurses have to look after both parents and children, and spend time reassuring them."

Rabiah said among the most difficult moments were when both parents and children were ill at the same time, such as in food poisoning cases, or when a patient is diagnosed with an incurable disease.

"At times, I feel helpless because I can't do much to ease their pain. Maybe it's because I love children that I can empathise with them," she said.

DESPERATE FOR RAIN ...

A farmer looking at his strained padi seedlings in a parched plot at Kampung Paya Keladi in Kepala Batas, Penang yesterday due to the current hot spell.

- MASRY CHE ANI/THE SUN

Turn to
page 4

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Public health spending to be discussed in Parliament

KUALA LUMPUR: The proposed increase for public health spending will be discussed during the tabling of a White Paper on Health in Parliament next month, said Health Minister Dr Zaliha Mustafa.

She said the ministry would continue discussions with the Finance Ministry for allocations to be increased up to 5% of the Gross Domestic Product (GDP).

"Now, it is 2.9% (of the GDP), and if we compare our country with other middle-income countries, our equivalent countries, they are already at a rate of up to 5% (of their GDP)," she told a media conference here yesterday.

Zaliha earlier opened the CRM (Clinical Research Malaysia) Trial Connect 2023 programme, which was held in conjunction with Clinical Research Day 2023.

She said Malaysia is ready to carry out its first-in-human clinical research at two certified locations, namely Sarawak General Hospital and Ampang Hospital.

"We have the facilities and we also have the discipline when we carry out the research, and this actually attracts the interest of many companies to do first-in-human (clinical trial) in Malaysia."

Also present at the event were Health Director-General Datuk Dr Muhammad Radzi, Sarawak Deputy Premier Datuk Seri Dr Sim Kui Hian and CRM chief executive officer Dr Akhmal Yusof.

On the CRM Trial Connect 2023 programme, she said it was to showcase the country's achievements and capabilities in sponsored research.

"In the last decade, sponsored research has brought in more than RM1 billion of clinical research contract value, created 2,700 skilled jobs in clinical research and delivered over 2,000 sponsored research."

- Bernama

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Ups and downs of being a nurse

Luqman Hakim Noor Azmi, 25, started his nursing career in the critical care unit (CCU) but he does not have any regrets despite having to deal with sad situations almost daily.

"There are cases when a patient under my care passed away. During such times, my priority is to ease the pain of the deceased's family, and I care about their feelings more than my own.

"Such times represent the bad days, even though I have no familial relationship with the patient.

"Accumulation of grief is harmful to us as well as it can lead to depression."

Despite that, Luqman said he also had happy days at the CCU.

"In an incident during the Covid-19 pandemic, an elderly patient was admitted to our ward. She was already depressed because of the Covid-19 situation in the country and the movement control order. The fact that she was unwell, though not from Covid-19, made the situation worse for her.

"Whenever I was in charge of her, I felt the need to cheer her up at least a little. So, while chatting with her, I found out that she liked coffee. So each morning, even when she was not under my charge, I would make her a cup of coffee to make her day.

"It's just a simple gesture, but little things like this help to cheer up our patients. However, I was surprised that she remembered it when she came for a health check after being discharged.

"She stopped by my department and waited for me, just to say 'thank you'."

"The nursing profession is not an easy one. We all have our good and bad days. We are just human after all, and we hope the public will also be a little more patient with us."

From front page

Self-care, is it the new way forward for healthcare in Malaysia?

KUALA LUMPUR: As Malaysia advances towards an ageing society, it further stretches the healthcare system at a huge cost to the government. By 2056, Malaysia will be a "super-aged society", with over 20% of its population over 65, exhibiting a steep decline of working age people.

Such scenarios can translate to an increasingly burdened healthcare system, at a huge cost to the government, as the Health Ministry expects expenditure to reach US\$80 billion (RM351.6 billion) by 2040.

In 2022, a 13-member Health White Paper Advisory Council was set up in Malaysia, to tackle the burdened public healthcare and future-proof our healthcare system.

While we explore ways to reform the system, are we ready to self-care?

The concept of self-care is not new.

By empowering the consumer, this could reduce the time spent by healthcare practitioners, enabling them to attend to more severe health conditions.

The World Health Organisation defines self-care as "individuals, families, and communities promoting and maintaining their own health, preventing disease, and coping with illness and disability, with or without the



support of a health worker."

Health literacy is vital to advance the concept of self-care, where people have access to the best information and the right products.

The Pharmaceutical Association of Malaysia Self-Care White Paper published in 2020 stated that knowledge and health literacy are the key pillars of self-care.

As adult health literacy rates rise, this contributes to growing health consciousness among Malaysians, driving demand for preventive and wellness products.

A hygiene, health, and nutrition company Reckitt (Health) Malaysia Sdn Bhd, which is a firm believer in the concept of self-care, and improving health literacy, has partnered with the European Union-Asian Business Council to conduct a survey on

self-care.

Reckitt Regulatory Affairs & Policy director Ali M. Abdullah said the survey showed that across Malaysia, Thailand, Indonesia and Vietnam, the Covid-19 pandemic had shown the ability of self-care utilisation through increased consumer awareness, to aid health systems.

"The survey revealed Malaysians accepted that, and while the government supported the facilitation of self-care and self-remedy, more could be done, such as access to medication for minor ailments and increasing the availability of non-prescription over-the-counter medicines," he said.

As conversations turn into strategies to ease the pressures on Malaysia's healthcare system, will self-care be part of the discussion?